

Baca petikan di bawah dan nyatakan sama ada ayat yang bernombor itu jenis ayat tunggal atau ayat majmuk.

(1) Kejadian bencana alam memberi banyak kesannya kepada manusia. (2) Gempa bumi banyak mengorbankan nyawa manusia dan merosakkan harta benda. (3) Ombak besar tsunami 2004 telah menggemparkan dunia. (4) Ribuan nyawa telah terkorban. (5) Jutaan ringgit harta benda telah musnah. (6) Indonesia mengalami kesan yang amat dahsyat. (7) Sri Lanka, Thailand, dan Malaysia juga menerima kesannya. (8) Ribuan orang bersedih kerana kehilangan orang yang tersayang. (9) Ribuan kanak-kanak menjadi yatim dan ribuan orang hilang saudara-mara. (10) Walaupun banyak bantuan diberi, tetapi mangsa terus hidup menderita.

(1)	(2)
(3)	(4)
(5)	(6)
(7)	(8)
(9)	(10)